

No. Sebut Harga : MDGM : 5/7/4

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan : **MAJLIS DAERAH GUA MUSANG**


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Lori Rigid Isuzu FSR11H	DAE 6367	1	3,500.00 (Jualan Sisa)
2.	Lori Rigid Daihatsu V22HC	DJ 252	1	500.00 (Jualan Sisa)
3.	Pick Up Tata Telcoline 207	WLQ 7203	1	1,500.00 (Jualan Sisa)
4.	Meter Letak Kereta		350	350.00 (Jualan Sisa)

2. Aset boleh dilihat pada 12hb. Disember, 2019 hingga 19hb. Disember, 2019 di antara jam 09.00 pagi hingga 03.00 petang di Pejabat Lama Majlis Daerah Gua Musang, Bahagian Kebersihan (Stor) Jalan Pulai dan Bengkel Soon Lee, Belakang Sekolah Menengah Tengku Indra Petra, 18300 Gua Musang, Kelantan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga MDGM : 5/7/4 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Gua Musang,  
18300 Gua Musang,  
Kelantan.  
No. Tel : 09-9120235

5. Tarikh tutup sebut harga pada 23hb. Disember, 2019 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
(ZULKARNEAN BIN ISA)  
Setiausaha  
Majlis Daerah Gua Musang

Tarikh: 09hb. Disember, 2019

Cap:



## **SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Majlis Daerah Gua Musang**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.